



SESI bergambar pengetua kolej, barisan Felo Pengarah Program Jakmas dan calon PMPP sesi 2018/2019.

Calon MPP UMS diperkenal di Kolej Sri Angkasa

KOLEJ Kediaman Sri Angkasa meraikan calon Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) sesi 2018/2019 di kolej kediaman berkenaan dengan sambutan yang terbuka dan meriah.

Seramai 200 pelajar berkumpul bagi mendengar manifesto dan amanat daripada 17 calon kerusi umum yang terdiri daripada

pelbagai fakulti dan latar belakang pendidikan.

Program itu juga dijalankan serentak di seluruh kolej kediaman di dalam dan luar UMS sekitar Kota Kinabalu bermula 11 Oktober dan sesi berakhir pada 16 Oktober.

Sesi pembuangan undi dijalankan pada 17 Oktober bertempat di dua kawasan

pembuangan undi yang utama iaitu Dewan Kuliah Pusat Baru dan Megalab Perpustakaan UMS.

Program itu dihadiri oleh kakitangan Pengurusan Kolej Kediaman Sri Angkasa termasuklah Pengetua Kolej Wijaya Kamal Ramlan, barisan felo dan Jakmas KKSA. (Artikel oleh Wijaya Kamal Ramlan)